# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
# ABDUL RAHMAN BIN MAHMOOD,
# PEMAIN GITAR LEGENDA,
# DI BALIK TABIR MEMOIR GITARIS LEGENDA: MAN KIDAL

**AINA NUR ALEESA BINTI RAHMAT**

**(2020885234)**

**KHAIRINA HIDA BINTI ISMAIL HISHAM**

**(2020899564)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2021-FEBRUARI 2022**

**ISI KANDUNGAN**


| | Isi Kandungan | M/S |
|---|---|---|
| **I-II** | Abstrak | |
| **III** | Penghargaan | |
| **IV** | Senarai Abreviasi | |
| **V** | Senarai Singkatan | |
| **VI-VII** | Rujukan Kata | |
| 1.0 | Biodata Penemubual | |
| | 1.1 Penemubual Pertama | 2 |
| | 1.2 Penemubual Kedua | 3 |
| 2.0 | Biodata Tokoh | |
| | 2.1 Biodata Tokoh | 5 |
| | 2.2 Pengenalan kepada tokoh | 6 |
| 3.0 | Sejarah Lisan | |
| | 3.1 Pengenalan | 8 |
| | 3.2 Objektif Sejarah Lisan | 9 |
| | 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan | 10-11 |
| 4.0 | Kajian Literatur | |
| | 4.1 Artis veteran Malaysia | 12-14 |
| | 4.2 Industri Muzik | 14-15 |
| | 4.3 Perkembangan Industri Muzik di Malaysia | 16-17 |
| 5.0 | Transkrip Temubual Bersama Tokoh | 18-65 |
| 6.0 | Log Temubual | 66-86 |
| 7.0 | Ralat | 87-89 |
| 8.0 | Glosari | 90-91 |
| 9.0 | Indeks | 92-95 |
| 10.0 | Bibliografi | 96-100 |
| 11.0 | Lampiran | |
| | 11.1 Biografi Tokoh | 102 |
| | 11.2 Surat Perjanjian | 103 |
| | 11.3 Senarai Soalan | 104-110 |
| | 11.4 Diari Penyelidikan | 111-121 |
| | 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan | 122-138 |

## ABSTRAK

*Transkrip ini membincangkan mengenai tentang latar belakang dan liku-liku kehidupan seorang tokoh artis veteran di dalam bidang seni muzik tanah air Malaysia. Beliau merupakan seorang artis legenda yang dikenali ramai oleh kerana nama serta personaliti unik yang dimiliki beliau sendiri. Beliau mula menceburi serta melibatkan diri di dalam bidang dan alat muzik sejak kecil lagi oleh kerana minat beliau yang tinggi serta mendapat galakan dan sokongan daripada kedua ibu-bapa beliau sendiri. Pada zaman pasca kemerdekaan ini, nama-nama artis veteran semakin pudar di mata peminat oleh kerana tidak banyak pendedahan tentang mereka serta lahirnya pelapis-pelapis baharu yang mengikut peredaran zaman sekarang. Oleh kerana itu, kajian sejarah lisan adalah salah satu daripada usaha untuk menghargai dan merungkai tentang latar belakang serta liku kehidupan seorang tokoh artis veteran. Menerusi kaedah temu bual, kami dapat mengetahui sendiri tentang pelbagai pengalaman, permulaan, dan cabaran tentang tokoh dengan lebih mendalam yang sebelum ini tidak pernah diberitakan dimana-mana. Temu bual yang dilakukan telah memberi pelbagai maklumat yang membolehkan kami untuk menerbit serta menghasilkan sebuah transkrip di dalam arkib UiTM. Penutup kata, kami berharap agar pendokumentasian yang dilakukan dapat memelihara serta memberi penghargaan tentang perjalanan kehidupan seorang tokoh artis veteran untuk terus semangat berkarya kepada masyarakat serta negara.*


Kata kunci: Sejarah Lisan, Temu Bual, Bidang Muzik, Alat Muzik, Arkib UiTM.

# ABSTRACT

*This transcript discusses the background, twists and turns of the life of a veteran artist in the field of music art in Malaysia. He is a legendary artist known to many because of his unique name and personality. He began to venture and get involved in the field and musical instruments from an early age due to his high interest, encouragement, and support from his parents. In this post-independence era, the names of veteran artists are fading from fans due to not much exposure to them and the birth of new young icons that follow the current trend. Therefore, the study of oral history is one of the efforts to appreciate and unravel the background as well as the twists and turns of the life of a veteran artist figure. Through the interview method, we were able to find out for ourselves about the various experiences, beginnings, and challenges of the figure in more depth that had never been reported anywhere before. The interviews conducted provided various information that enabled us to publish and produce a transcript in the UiTM archives. In closing, we hope that the documentation can preserve and as appreciation to the life journey of a veteran artist to continue the spirit of work for the community and the country.*

Keyword: Oral history, Interview, Music Art, Instrument, UiTM archives.

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapatlah kami menyiapkan tugasan projek ini bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Puan Siti Noorsiah binti Jamaluddin, pensyarah kepada subjek Sejarah Lisan (IMR605). Beliau merupakan seorang yang telah banyak memberikan bimbingan dan nasihat sehingga tugasan ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Penghargaan dan terima kasih juga kami ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan dan ahli keluarga yang banyak memberi sokongan dan bantuan bagi melengkapkan tugasan projek ini. Kami juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan in kepada teman-teman sekelas kami yang sanggup berkongsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan yang kami dambakan khususnya dalam menghasilkan transkrip ini. Ketahuilah segala macam bantuan yang anda salurkan amat kami hargai.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah membantu kami sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menyiapkan tugasan projek ini. Semoga Allah SWT memberikan balasan yang lebih baik jua.

# SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|---|---|
| COVID | Coronavirus Disease |
| EMI | Electromagnetic Interference |
| PKP | Perintah Kawalan Pergerakan |
| AIM | Anugerah Industri Muzik |
| eBay | electronic Bay |
| BPR | Bumi Putra Rockers |
| TV | Televisyen |
| IG | Instagram |

**SENARAI SINGKATAN**

| | |
|---|---|
| **ANA** | **Aina Nur Aleesa** |
| **KH** | Khairina Hida |
| **MK** | Man Kidal |

# RUJUKAN KATA

| | |
|---|---|
| Ambik | Ambil |
| Dorang | Mereka |
| Nengok | Tengok |
| Jugak | Juga |
| Kat | Dekat |
| Lepas tu | Selepas itu |
| Pastu | Selepas itu |
| Patu | Selepas itu |
| Dah | Sudah |
| Kecik | Kecil |
| Tu | Itu |
| Ni | Ini |
| Takde | Tidak ada |
| Pasal pe | Pasal apa |
| Gini | Begini |
| Patu | Selepas itu |

| | |
|---|---|
| Kitorang | Kami |
| Sedare | Saudara |
| Je | Sahaja |
| En | Kan |
| Cop | Sekejap |
| Diorang | Mereka |
| Takkan | Tidak akan |
| Tak leh | Tidak boleh |
| Terjadiknya | Terjadinya |
| Tu lah | Itu sebabnya |
| Gitu | Begitu |
| Yelah | Ya |
| Taruk | Letak |
| Nak-nak | Lebih-lebih lagi / tambahan pula |
| Bawak | Bawa |

# 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

# 1.0 Biodata Penemubual

## 1.1 Penemubual Pertama



| | |
|---|---|
| **Nama** | Khairina Hida binti Ismail Hisham |
| **Tarikh Lahir** | 13 Julai 1999 |
| **Tempat Lahir** | Sitiawan, Perak. |
| **Alamat** | 150, Jalan Laman Azalea 2/1, Laman Azalea Taman Nilai Impian, Nilai 71800, Negeri Sembilan. |
| **No Telefon** | 019-7957985 |
| **Emel** | khairinahidaismail@gmail.com |
| **Program** | Pengurusan Rekod (IIM246) |

## 1.2 Penemubual Kedua



| | |
|---|---|
| **Nama** | Aina Nur Aleesa binti Rahmat |
| **Tarikh Lahir** | 28 Disember 1999 |
| **Tempat Lahir** | Selangor |
| **Alamat** | No 20, Jalan 6, Taman Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor. |
| **No Telefon** | 016-24335653 |
| **Emel** | aleesarahmat@gmail.com |
| **Program** | Pengurusan Rekod (IM246) |

# 2.0 BIODATA TOKOH

## 2.0 Biodata Tokoh

### 2.1 Biodata Tokoh



| | |
|---|---|
| **Nama** | Abdul Rahman bin Mahmood |
| **Nama Pentas** | Man Kidal @ Man Keedal |
| **Tarikh Lahir** | 2 Mac 1964 |
| **Tempat Lahir** | Johor Baru |
| **Alamat** | Skudai Kiri, Johor Baru |
| **No Telefon** | 019-3017778 |
| **Emel** | keedalmk@gmail.com |
| **Profesion** | Pemain Gitar, Penerbit Rakaman, Penggubah Lagu |
| **Bidang** | Muzik dan Instrumentalis |

## 2.2 Pengenalan kepada tokoh

Pengenalan kepada tokoh veteran yang dipilih iaitu dikenali sebagai Man Kidal. Beliau adalah merupakan seorang pemuzik dan instrumentalis di Malaysia. Nama sebenar beliau adalah Abdul Rahman bin Mahmood dan dilahirkan pada 2 Mac 1964 dan berasal daripada Johor, Malaysia. Beliau berumur 57 tahun dan telah mendirikan rumah tangga bersama isteri beliau iaitu Puan Nurlaila Yusof pada tahun 1980 dan telah dikurniakan seramai 4 orang anak. Beliau merupakan salah seorang artis veteran legenda yang mula berkecimpung di dalam bidang muzik semenjak umur beliau berumur 10 tahun lagi dengan mendapat sokongan penuh daripada kedua ibu dan bapa beliau. Man Kidal bermula dengan sebuah kumpulan yang pada mulanya hanya bermain muzik dan membuat persembahan untuk majlis perkahwinan yang dikenali sebagai Crystal Prince.

Seterusnya beliau menganggotai sebuah kumpulan yang terkenal dan dikenali di Malaysia iaitu digelar sebagai Kumpulan Lefthanded yang terdiri juga daripada artis veteran yang lain iaitu Nash dan Ramli Sarip. Man Kidal juga pernah berkerjasama dengan kumpulan Search. Beliau juga dikenali sebagai seorang pemain gitar yang menggunakan tangan kiri dan nama kumpulan Lefthanded itu sendiri berasal daripada beliau yang merupakan seorang yang kidal. Man Kidal memainkan peranan sebagai Gitaris Utama di dalam kumpulan tersebut dan mereka berjaya menambat hati para peminat dengan pelbagai karya antaranya Debunga Wangi dan Lanun.

Selain itu, beliau juga bergerak secara solo selain daripada berkumpulan dan beliau juga banyak berkolaborasi ataupun menjadi pemuzik undangan dengan artis-artis di Malaysia antaranya Jamal Abdillah, Ella, Shima, serta yang terbaru adalah gandingan beliau bersama penyanyi Naim Daniel menerusi lagu Sumpah.

# 3.0 SEJARAH LISAN

# 3.0 Sejarah Lisan

## 3.1 Pengenalan

Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang mempunyai kepentingan sejarah atau sosiologi yang diperolehi biasanya melalui temu bual yang sering kali dirakam melalui perbualan, wawancara dan lain lagi dengan orang yang berpengalaman dan mempunyai kepentingan yang istimewa (Pusat Kajian Sejarah Lisan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). (Permas Upsi, 2019) menyatakan bahawa kebanyakan maklumat lisan diperoleh melalui soalan yang ditadbir sendiri, temu bual atau dialog sepanjang proses penyelidikan. Mereka boleh memberikan maklumat asal tentang sesuatu peristiwa itu. Selain itu, menurut (Oral History Association, n.d.) yang telah diterjemahkan, sejarah lisan ialah kedua-dua jenis penyelidikan sejarah tertua, mendahului perkataan bertulis, dan salah satu yang paling moden, bermula dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan kini menggunakan teknologi digital abad ke-21.

Menurut (Baylor University Institute, 2012) yang juga telah diterjemahkan, terdapat empat kepentingan sejarah lisan yang telah dihuraikan. Yang pertama ialah, sejarah lisan membantu melengkapkan kisah silam. Yang kedua ialah, membantu kita memahami bagaimana individu dan komuniti mengalami kuasa sejarah. Yang ketiga pula ialah, ia menunjukkan kepada kita apa yang telah berubah dari semasa ke semasa dan apa yang kekal sama. Yang terakhir pula ialah, sejarah lisan dapat mengekalkan gambaran yang baik tentang siapa kita sekarang dan apa yang kita ingat dari masa lalu untuk generasi akan datang. Ini menunjukkan betapa pentingnya kajian sejarah lisan ini untuk dijalankan oleh penyelidik-penyelidik sebagai bukti atau juga sebagai rujukan untuk masa hadapan. Selain itu, dari kepentingan yang telah dinyatakan kita dapat lihat bahawa kajian sejarah lisan ini dapat memelihara dan mengekalkan sesuatu sejarah tentang suatu individu itu agar tidak dilupakan dan hilang begitu sahaja.

Kajian sejarah lisan yang dijalankan ini adalah bertemakan artis veteran. Secara umumnya, artis veteran ialah penggiat seni yang telah lama menceburkan diri dalam industri seni. Artis veteran juga sering digelar sebagai 'otai' oleh khalayak ramai. Tujuan kajian sejarah lisan ini dijalankan terhadap artis veteran ini adalah untuk mengetahui lebih lanjut tentang kisah mereka dengan lebih mendalam. Di samping itu, artis-artis veteran banyak memberi sumbangan lebih berpengalaman dalam industri tanah air Malaysia. Namun begitu, kisah dan

perjuangan mereka tidak banyak dan jarang dikongsikan ke khalayak ramai. Dengan menjalankan kajian sejarah lisan ini, ia dapat membantu untuk mengkongsikan tentang latar belakang mereka sendiri, keluarga mereka, kisah-kisah perjuangan, pengalaman suka dan duka mereka yang boleh diambil sebagai pengajaran atau motivasi untuk orang ramai.

## 3.2 Objektif Sejarah Lisan

1. Untuk mendokumentasikan sumber primer tentang perjalanan dan kehidupan-kehidupan artis veteran yang dipilih sebagai memori sejarah.

2. Sebagai tanda apresiasi dan penghargaan kepada artis veteran yang dipilih untuk ditemubual sebagai koleksi sejarah lisan.

3. Untuk mendokumentasikan perkembangan rock di Malaysia.

## 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Kepentingan menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017) sendiri membawa maksud ia adalah sesuatu yang penting demi kebaikan, keuntungan atau kesejahteraan diri, faedah, memberi manfaat kepada orang ramai. Manakala sumbangan pula merupakan sesuatu yang diberikan sebagai sokongan ataupun bantuan kepada orang ramai (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Terdapat beberapa kepentingan dan sumbangan dalam menjalankan kajian sejarah lisan ini terhadap individu, masyarakat dan industri muzik:

### INDIVIDU

Tujuan kajian sejarah lisan tentang tokoh artis veteran yang dilakukan adalah untuk memberi serta menambah pengetahuan seseorang tentang individu yang telah lama menapak di dalam bidang industri seni muzik.

- Ianya bukan sahaja memberi pengetahuan tentang seseorang itu bahkan satu individu dapat mengetahui serta merungkai tentang liku-liku perjalanan hidup seorang artis itu di dalam bidang seni muzik.
- Kajian ini juga dapat membantu remaja-remaja pada masa kini untuk memelihara dan memantapkan pengetahuan sejarah mereka.
- Selain itu, dengan kajian yang dilakukan ianya dapat memupuk jati diri seseorang itu supaya tidak mudah berputus asa serta membantu dalam membuat keputusan jika mahu menceburi dalam sesuatu bidang terutamanya bidang seni muzik.
- Dapat membuka mata dan minda seseorang tentang jatuh dan bangun perjalanan tokoh artis tersebut.
- Hasil daripada kajian lisan tentang artis veteran ini juga seorang individu dapat menjadikan contoh dan panduan buat mereka pada masa akan datang.

## MASYARAKAT

Seterusnya, kepentingan dan sumbangan kajian sejarah lisan tentang tokoh artis veteran yang dilakukan oleh pengkaji kepada masyarakat pula adalah berperanan untuk membawa dan mendorong masyarakat supaya tidak melupakan kewujudan artis-artis veteran ataupun dipanggil sebagai "Orang Lama" yang pernah aktif berkarya di dalam industri seni muzik dari dahulu sehingga kini.

Berkait dengan kajian sejarah lisan tentang tokoh artis veteran yang dilakukan:

- Ianya bakal membantu untuk memelihara serta menyedarkan masyarakat bahawa generasi-generasi lama masih wujud dan bernilai sehingga kini.
- Golongan-golongan muda juga akan lebih menghargai permata-permata seni dari masa lalu yang sama berkilaunya seperti artis zaman sekarang.
- Mereka juga dapat mengenali tokoh artis veteran dengan lebih mendalam dan memupuk minat serta sokongan terhadap mereka.

Demikian kajian sejarah lisan ini serba sedikit memberi manfaat terhadap masyarakat dan ianya juga dapat dijadikan sebagai rujukan serta tauladan kepada semua peringkat umur dan zaman.

## INDUSTRI MUZIK

Seterusnya kita beralih kepada kepentingan dan sumbangan kajian sejarah lisan terhadap artis veteran yang dilakukan terhadap Industri seni Muzik tanah air kita. Seperti apa yang kita tahu pada masa kini, sudah terdapat banyak pelapis ataupun artis daripada generasi baharu yang namanya sedang meningkat, akan tetapi ada di kalangan mereka tidak mempunyai pengalaman dan ilmu yang mendalam tentang muzik ataupun bidang yang mereka ceburi.

- Maka, dengan kajian ini, mereka dapat menjadikannya sebagai rujukan serta pendorong semangat untuk mereka meneruskan impian mereka di dalam bidang muzik.
- Selain itu, dengan kajian lisan sejarah ini dilakukan, sejarah, pengalaman, karya serta kenangan artis veteran tidak akan mudah dilupakan dan sentiasa akan diingati di dalam industri Muzik tanah air kita. Ianya juga akan dipelihara dalam jangka masa yang lama.

# 4.0 KAJIAN LITERATUR

# 4.0 Kajian Literatur

## 4.1 Artis veteran Malaysia

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, salah satu definisi artis adalah penghibur seperti penyanyi, penari dan lain lain (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Bagi perkataan veteran pula, ia bermaksud orang yang telah banyak pengalamannya dalam suatu perkara. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Di Malaysia, terdapat ramai artis veteran di Malaysia yang masih lagi bergiat aktif dalam bidang industri seni. Seperti contoh, artis veteran dan gitaris legenda Man Kidal yang baru sahaja berkolaborasi bersama dalam single berjudul "Sembah" terbaru penyanyi Naim Daniel (Azwa Rahman, 2020). Dari ini, kita dapat lihat bahawa artis veteran masih lagi sama-sama berbisa dan bertenaga untuk digandingkan dengan artis muda.

Dalam pada itu, ada juga sesetengah artis veteran yang aktif mengikut peredaran zaman seperti penggunaan media sosial bagi kekal relevan. Menurut sumber (Nina Farzuin Md Sharom, 2021) pelakon otai Rosyam Nor aktif menerbitkan video di Youtube channel. Artis veteran lain seperti Didie Alias juga kian aktif dalam aplikasi Tik Tok sering merakam video-video komedi. Dalam akhbar Utusan Malaysia, Didie Alias menyatakan bahawa beliau bermain Tik Tok bertujuan untuk menghiburkan orang ramai (Siti Athirah Dzulkifly, 2021). Ini menunjukkan betapa besarnya usaha artis veteran yang sanggup membiasakan diri dengan teknologi terkini walaupun mereka perlu membiasakan diri dengan cara tersebut. Dengan usaha ini juga, artis veteran dapat mengekalkan nama atau 'branding' mereka dan kekal relevan dalam industri seni di mata peminat terutamanya peminat daripada generasi muda.

Artis veteran di Malaysia juga banyak menempuhi cabaran sepanjang pengalaman mereka sebagai seniman dalam industri tanah air Malaysia. Antara cabaran yang dihadapi oleh artis veteran di Malaysia kebelakangan ini adalah isu bayaran yang rendah berbanding artis terkini, layanan kurang memberangsangkan oleh pihak produksi dan banyak lagi isu yang timbul. Menurut sumber akhbar BH Online, (Farihad Shalla Mahmud & Serimah Mohd Sallehuddin, 2021) pelakon veteran zaman 90an Jalil Hamid menyatakan pendapat tentang sesetengah produksi yang menawarkan bayaran yang tidak sepatutnya kepada beliau. Dalam artikel yang sama juga, beliau menyebut tentang layanan kelas kedua dan ugutan syarikat produksi di kalangan artis veteran. Di samping itu, pelakon veteran Datin Fadilah Mansor dalam artikel (Media Mulia, 2021) juga menyuarakan untuk berhenti beranggapan bahawa

artis veteran layak dibayar sedikit sahaja kerana artis veteran juga memerlukan sumber pendapatan.

Seterusnya, artis veteran juga kurang mendapat apresiasi dan juga penghargaan. Salah satu contoh yang boleh dilihat ialah penulis artikel daripada portal berita online MYNEWSHUB (AK-47, 2017) telah mengekspresikan persoalan tentang mengapa artis veteran hebat seperti Hamid Ghurka tidak dikurniakan gelaran datuk sebagai suatu penghargaan. Justeru itu, persoalan ini menjadi tanda tanya kerana pelakon veteran tersebut dikatakan banyak memberi sumbangan ke atas industri seni Malaysia dan juga kepada negara. Selain itu, ekoran pandemik Covid-19, kebanyakan artis veteran antara yang sangat terkesan kerana hilangnya punca pendapatan akibat industri seni terjejas. Antara artis veteran yang terkesan akibat wabak Covid-19 adalah gitaris legenda kumpulan Lefthanded, Man Kidal yang terpaksa mengibarkan bendera putih serta menjual aset peribadi untuk membiayai kos kehidupan beliau oleh disebabkan tidak dapat bekerja selama tempoh 2 tahun menerusi akhbar Kosmo (Hanisah Selamat, 2021).

## 4.2 Industri Muzik

Muzik bermaksud Menurut sumber (What Is the Music Industry? - Definition & Facts, 2021) dalam Study.Com yang telah diterjemahkan, industri muzik ialah istilah umum untuk semua pihak yang terlibat dalam penciptaan, persembahan, rakaman, promosi dan pengurusan perniagaan muzik. Muzik juga merupakan salah satu daripada cabang seni yang menggabungkan bunyi vokal serta instrumental (Nickywelsh, 2017). Menurut Nickywelsh juga, muzik merupakan bunyi-bunyian yang disusun secara sistematik serta mempunyai kualiti (2017). Muzik juga didefinisikan sebagai bunyi yang dihasilkan oleh seorang penyanyi ataupun alat muzik. Di dalam sumber yang sama, muzik juga adalah merupakan komunikasi akustik yang menggabungkan nada instrumental atau vokal dalam cara tersusun dan berterusan (World Encyclopaedia, n.d).

Industri muzik adalah besar bidangnya dan menyeluruh, antaranya adalah, genre dan jenis muzik. Menurut sumber online yang diambil daripada bcnsants.net, genre muzik atau jenis muzik adalah pengelompokan muzik mengikut kesamaan antara satu sama lain. Muzik itu sendiri berdasarkan kriteria tertentu seperti teknik muzik, gaya, konteks, tema, dan bahkan

geografi muzik. (Bcnsants.net, n.d) Turut dinyatakan, salah satu jenis muzik yang paling dikenali di Malaysia adalah Muzik popular yang terdiri daripada pelbagai genre.

Seterusnya, diambil daripada sumber Sejarah Alat Muzik mengatakan bahawa muzik telah dilakukan sejak subuh waktu manusia dengan instrumen dan melalui lagu vokal (Mary Bellis, n.d). Menurut beliau, alat muzik pertama yang dicipta adalah seruling yang diperbuat daripada tulang-tulang binatang yang berusia hampir 37,000 tahun yang lalu. Menurut Rohana Husin yang merupakan pengarah kepada Muzium Muzik di Malaysia, bermula dengan penghasilan peralatan pertanian mahupun ritual perawatan entiti misteri, generasi terdahulu mengambil inspirasi alam hingga membentuk alat muzik yang diperbuat daripada sumber alam di persekitaran mereka (Harian Metro, 2021) Demikianlah, alat muzik atau instrumen juga berbeza dan semakin canggih mengikuti peredaran zaman.

Selain itu, haluan di dalam bidang industri muzik juga amat penting bagi memastikan karier dan identiti seseorang itu lebih nyata dan jelas. Terdapat artis solo dimana lagu muzik dipersembahkan melalui seorang dan persendirian sahaja (Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat, 2017). Manakala ada yang berkerjasama sesama ahli muzik yang lain untuk membentuk satu kumpulan untuk berkarya bersama-sama di dalam bidang industri muzik.

Seperti yang dinyatakan di dalam World Encyclopaedia, muzik merupakan perkara yang ditemui dalam setiap budaya yang diketahui, pada masa lalu dan sekarang. Ianya berbeza-beza mengikut peredaran masa dan tempat. Muzik juga terdapat di mana-mana termasuk juga di tempat-tempat yang terpencil. (World Encyclopaedia). Untuk bergiat didalam industri muzik ini, seseorang itu perlulah mempunyai wawasan serta identiti yang tersendiri untuk dikenali oleh semua. Ini kerana, untuk mengekalkan momentum agar berjaya di dalam bidang industri muzik di Malaysia (Fakhrul Hakimi, 2017).

## 4.3 Perkembangan Industri Muzik di Malaysia

Seperti yang kita tahu, sejak beberapa tahun lalu sehingga kini penggiat seni dari industri muzik tanah air terutamanya di dalam bidang nyanyian kian bertambah. Berdasarkan pada sumber artikel akhbar Berita Harian online (Serimah Mohd Salehhudin, 2020), artis Zainal Abidin berpendapat bahwa pada zaman pasca kemerdekaan ini, sesiapa sahaja boleh bergelar penyanyi tidak kira berbakat ataupun tidak termasuklah pengusaha produk kecantikan yang berlumba-lumba untuk menghasilkan lagu walaupun tidak berbakat sebagai penyanyi. Beliau juga berpendapat di dalam artikel yang sama bahawa industri muzik tempatan semakin mundur dan semakin hilang seninya. Di samping itu, di dalam sumber artikel lain (Getaran.my, 2021) Zainal Abidin sebagai salah seorang artis veteran berpendapat bahawa senario industri muzik pada tahun-80 berbanding dengan kini amatlah berbeza. "Artis veteran pula jarang dipanggil. Bukan kerana kos, tapi kerana mereka susah untuk dimanipulasi," luahan beliau di dalam artikel tersebut. Ini menunjukkan bahawa jurang perbezaan industri muzik pada masa lalu dan sekarang adalah besar.

Namun citarasa dan anggapan muzik seseorang itu adalah berbeza. Berkaitan dengan itu, ada sesetengah pihak lain yang anggapannya berbeza tentang industri muzik tanah air pada masa kini antaranya adalah komposer terkenal iaitu saudara Edrie Hashim. Berdasarkan sumber 'online' dari (Buletin Fm, 2021) beliau membalas komen salah seorang pengguna aplikasi 'Facebook' tentang kualiti muzik pada masa kini yang kurang. Edrie membalas dan berpendapat bahawa muzik berputar mengikut peredaran zaman dan umur. Beliau juga mengatakan bahawa zaman ini adalah waktu untuk orang muda berkarya. Oleh kerana itu, perbezaan dari kualiti dan pembikinan lagu juga turut berbeza. Selain itu, Fauzi Marzuki yang merupakan salah seorang komposer terkenal juga menyata bahawa beliau tidak setuju jika orang ramai beranggapan bahawa lagu zaman sekarang tidak sedap berbanding dengan lagu pada zaman dahulu (Getaran.my, 2021). Fauzi berpendapat di dalam artikel yang sama bahawa terdapat lagu-lagu yang sedap didengari cuma ianya tidak dapat bertahan lama oleh kerana beberapa faktor seperti tiada corak kerja dan tiada kawalan kualiti terhadap pembikinan sesebuah lagu tersebut. Beliau juga berkata di dalam artikel tersebut bahawa lagu-lagu pada zaman kini mudah untuk menjadi terkenal ataupun "Hits" dengan pantas dikalangan generasi muda dengan hanya menggunakan platform digital Youtube ataupun melalui rakan artis sendiri berbanding dengan artis-artis lama. (Getaran.my, 2021)

Seterusnya, berikutan dengan negara kita dikejutkan dengan wabak virus Covid-19 yang melanda bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Situasi tersebut memberi kesan kepada pemuzik di Malaysia (Hafiz Mutalib, 2021). Dalam pada itu, penyanyi Wany Hasrita juga menyatakan bahawa artis juga berhadapan dengan tekanan ekonomi oleh disebabkan situasi pandemik Covid-19 (Sudirman Mohd Tahir, 2021). Industri muzik adalah salah satu industri yang paling terkesan akibat Covid-19. Mereka tidak dibenarkan untuk melakukan konsert mahupun jelajah secara berhadapan (Mstar,2021), bahkan di dalam sumber yang sama dinyatakan, ada artis yang terpaksa menjual alat muzik kesayangan untuk menyara diri.

# 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

## 5.0 Transkrip Temubual Bersama Tokoh

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH**

SESI SATU

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang artis veteran. Bersama-sama kami ialah Abdul Rahman bin Mahmood atau lebih dikenali sebagai Man Kidal yang merupakan seorang artis veteran tersohor dalam bidang muzik di Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 26hb November 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 3 petang bertempat di Petaling Jaya, Selangor. Temubual ini dikendalikan oleh Aina Nur Aleesa dan juga Khairina Hida. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**ANA: Temubual bermula dengan soalan orientasi. Okay *uncle* [pak cik], boleh tak *uncle* [pak cik] ceritakan latar belakang tentang diri *uncle* [pak cik].**

MK: Maksudnya, nama?

**ANA: Haah, nama, umur.**

MK: Nama saya rasa orang dah tahu, Man Kidal tapi nama sebenarnya ialah Rahman Mahmood. Saya berumur lima puluh tujuh [57] tahun berasal dari Johor dan mempunyai keluarga dan cucu sebelas [11].

**ANA: (Gangguan bunyi televisyen) Dimanakah encik dibesarkan? Di Johor lah?**

MK: (Angguk) Ya, di Johor.

**ANA: Dari lahir sampai besar ke?**

MK: Ya, di Johor [Malaysia] tapi maksudnya saya bersekolah di Singapura. Masa tu bapa saya *army* [askar], askar, dia base *on* [dalam] *Singapore* [Singapura] punya ni jadi saya kena sekolah ulang alik ah ke Johor Bahru [Malaysia].

**ANA: Encik tinggal di dekat johor tu dekat mana? Rumah?**

MK: Di Skudai Kiri [Johor Bahru].

**ANA & KH: Ohhh. (Reaksi)**

MK: Skudai Kiri, Johor Bahru [Malaysia].

**ANA: Apakah hobi yang *uncle* [pak cik] selalu buat waktu -- tak ada buat apa apa? Waktu lapang?**

MK: Saya takde, dunia saya ialah muzik *all the way* [sepanjang jalan].

**ANA: (Gangguan bunyi televisyen) daripada kecik?**

MK: (Gangguan bunyi televisyen) Haah, hobi saya ialah maksudnya selain daripada.... suka kereta... dan juga saya selalu ialah muzik *practice* [berlatih] bila masa lapang tu saya gunakan untuk saya berlatih di rumah atau di studio.

**ANA: Oh, *uncle* [pak cik] ada berapa adik-beradik?**

MK: Dua belas [12].

**ANA & KH: (Angguk) Oh, dua belas [12].**

MK: Dua belas [12] adik-beradik. Saya-saya yang ke sepuluh [10].... saya yang ke sepuluh [10].

**KH: (Gangguan bunyi) *Uncle* [pak cik], boleh *share* [kongsi] tak, serba sedikit pasal *family* [keluarga] *uncle* [pak cik] ?**

MK: *Okay* [baik], saya adik-beradik ke–, maksudnya, dua belas [12]. Saya yang ke sepuluh [10]. Dia gini, cerita saya bermain muzik ni sebenarnya ialah dari keluarga. Saya dari kecik Arwah bapak dan mak dah adakan *equipment* [kelengkapan].

**ANA & KH: Ohhh. (Reaksi)**

MK: Jadi saya *start* [mula] maknanya daripada pegang-pegang instrumen ni tujuh tahun tapi, bila saya *start to serious* [bermula untuk serius] maksudnya saya *start* [mula]

daripada dram bukan gitar, lepas.... tujuh tahun tu saya dah berjinak dengan dram *so* [jadi] saya *try* [cuba] juga benda-benda lain lah, bass [alat muzik] tulah. Saya lekat pada dram dulu. Selepas sembilan [9] tahun tu, baru saya *first start* [pertama bermula] gitar. Di situnya status pegangan gitar instrumen yang maksudnya bagi saya yang utama untuk saya. Kedua ialah drum, dan jugak bila saya tak main gitar saya akan main dram. *So* (jadi), saya punya *family* (keluarga) ni memang semua abang-abang semua, kakak semua memang maksudnya *musicians* (pemuzik) dan penyanyi masa tu, dia, apa ni, adik beradik tu memang dah diasah untuk muzik. *So* [jadi], *yup* [ya] saya sampai sekarang Alhamdulillah, benda tu lekat adik beradik semua tak lekat lah pasal pe, bila diorang dah berkahwin diorang tak serius. Tapi saya ni sebenarnya, Arwah bapak mak memang nak sangat saya maksudnya main muzik dengan serius ah dijadikan bidang karier. *So* [jadi], saya, walaupun zaman tu saya serius tapi maksudnya saya masih berpeluang untuk bekerja sikit untuk mencari pengalaman lah. Patu, di situ saya *start* [mula] lah, adik beradik saya semua memang muzik di situ lah kita mula ah.

**KH: (Gangguan bunyi televisyen) Nak tanya *uncle* [pak cik], *start* [mula] macam *personal* [peribadi] punya *detail* [maklumat] lah. Bila *uncle* [pak cik] kahwin dengan *aunty* [mak cik]?**

MK: *Okay* [baik], kahwin pun sebenarnya, saya berkahwin ni berdasarkan keluarga, pilihan keluarga. Saya, walaupun saya masa tu saya dah ada *girlfriend* [teman wanita] (pergerakan tangan) dia dah ada, isteri dah ada *boyfriend* [teman lelaki], kitorang terpaksa *split* (putus) ah terpaksa berpisah kerana keluarga pilihan keluarga. Bagi saya, arwah bapak ni mak semua mereka dah nampak maksudnya diri saya ni untuk (membelai rambut) main muzik yang serius mempunyai isteri yang betul-betul maksudnya sabar dan jugak menyokong kita ah. *So* [jadi], Alhamdulillah sampai sekarang saya masih lagi dengan isteri sampai sekarang pun ibarat dia lah *manage* [mengurus] saya sendiri. *So* [jadi] Alhamdulillah, bagi saya, saya sangat bertuah lah mempunyai isteri yang banyak menyokong saya dan jugak menjaga saya.

**KH: Boleh tahu tak nama penuh *aunty* [mak cik], nama penuh isteri *uncle* [pak cik]?**

MK: Isteri? Nama penuh isteri saya ialah Norlaila Binti Yusof. [Gangguan bunyi orang ketiga] Dia kira macam sepupu ah sedare, umur lebih kurang sama lima puluh tujuh [57] tahun jugak.

**KH: *Okay* [baik], nak tanya. Mak ayah uncle memang asal dari Johor [Malaysia] jugak ke?**

MK: Ya, semua Johor [Malaysia] --. Keluarga dia pun Johor [Malaysia].

**KH: Antara *family* [keluarga] *uncle* [pak cik], *family* [keluarga] *uncle* [pak cik] panggil *uncle* [pak cik] apa? *Nickname* [nama timangan] *uncle* [pak cik]?**

MK: Man jugak, Man (Angguk).

**ANA: *Okay* [baik], boleh *uncle* [pak cik] ceritakan pendidikan *uncle* [pak cik]? Macam sekolah kat mana?**

MK: *Okay* [baik], saya sekolah -- di Singapura Kaki Bukit, sekolah rendah tapi bila saya *form 1* [tingkatan 1] tu, still jugak Kaki Bukit Secondary [Sekolah]. Zaman saya adalah zaman sekolah bersama Fandi Ahmad, pemain bola. Jadi, bila saya *secondary* [sekolah menengah] tu, tingkatan [1].. saya.. lepas tingkatan satu [1] saya kena berhijrah ke Johor [Malaysia] balik. Masa sekolah, bapak dah *transfer* [bertukar] ke Johor [Malaysia] *so* [jadi] saya kena tukar tapi malangnya saya… bila saya tukar di

sekolah di Johor Bahru [Malaysia] saya tak berapa faham, pasal subjek dia banyak maksudnya – (pergerakan tangan) dia punya Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia en, *so* [jadi] saya kurang, saya pening (pergerakan tangan) tu bapak bagi saya buat pilihan sama ada saya nak sekolah lagi atau pun teruskan dengan muzik. Selepas tu, baru saya – mengambil langkah serius ah saya menjadikan karier muzik saya sebagai maksudnya hidup saya. *So* [jadi], kat situlah saya bermula di Johor Bahru [Malaysia].

**ANA: *So* [jadi], macam *uncle* [pak cik] cakap tadi (pergerakan tangan) uncle pernah bekerja sekejap kan, sebelum libatkan diri dalam bidang muzik**

MK: ya – (angguk).

**ANA: Apakah pekerjaan *uncle* [pak cik] waktu tu?**

MK: *Uncle* [pak cik] *part time* [separuh masa], masa tu kita baru *start* [mula] maksudnya saya baru keluar (pergerakan tangan) dengan muzik saya dengan kawan-kawan. Jadi, saya kena kerja. Saya pernah kerja di Pasir Gudang [Johor]. Di pelabuhan Johor [Malaysia] dia kapal *so* [jadi], dan jugak pernah kerja *petrol pump* [pam petrol]…. kan. (Angguk kepala) macam macam jugak lah semua saya lalui, pernah jaga warung, pernah ikut -- apa ni kawan-kawan kerja kelapa sawit kejap. Banyak benda lah jugak saya buat kerja ni tapi -- semuanya *part time* [separuh masa].

**ANA: *Uncle* [pak cik] ingat tak tahun bila waktu tu?**

MK: Semua tahun tujuh puluh [70] lebih, tujuh puluh sembilan [79], lapan [8]…. tujuh puluh lapan [78].

**KH: Tapi *uncle* [pak cik] kerja tu kat *area* [kawasan] Johor [Malaysia] je ke?**

MK: (Angguk kepala) Johor -- [Malaysia], di Johor jugak lah, di Pasir Gudang [Johor].

**KH: *Okay* [baik], kitorang akan beralih kepada soalan umum.**

**ANA: *Okay* [baik], penglibatan awal kan. Boleh tak *uncle* [pak cik] ceritakan penglibatan awal *uncle* [pak cik] macam mana, macam masuk ke dalam bidang muzik ni?**

MK: Ya, muzik memang -- dari kecik saya cakap tadi. Saya apa ni, dan di Singapura satu kelebihan (pegang hidung) dia dah memang ada subjek muzik untuk belajar, maksudnya kita ada satu subjek (pergerakan tangan) yang kita kena serius tentang muzik ni. *So* [jadi], di rumah jugak arwah bapak selalu panggil cikgu datang, cikgu datang untuk mengajar saya dari kecik tapi saya tak berapa serius tentang pelajaran muzik tu lah masa dulu tapi selepas -- saya sepuluh tahun [10] saya dalam muzik baru saya ambik serius belajar bila *start* [mula] *recording* [rakaman]. Lepas *recording* [rakaman], baru saya *start* [mula] belajar betul-betul serius tentang muzik ni. Tu lah, pendidikan saya dengan muzik ni tak berapa tinggi cuma saya banyak (memegang rambut) melalui pengalaman-pengalaman saya tentang maksudnya banyak *performance* [membuat persembahan]. Dari orang kahwin, *show* [pementasan] dan jugak masa tu zaman tu pesta-pesta, *funfair* [pesta ria].

**KH: So [jadi], (pergerakan tangan) *uncle* [pak cik] *start* [mula] dengan *perform* [membuat persembahan] dekat *wedding* [majlis perkahwinan] dulu macam tu lah? Kecil-kecilan lah.**

MK: (Angguk kepala) ya, *start* [mula] ya semua memang *start* [mula].. dulu di Johor [Malaysia] zaman tu memang (pegang hidung) kira orang kahwin lah paling *top* [nombor satu] (Angguk kepala).

**KH: Tapi kiranya yang bertanggungjawab untuk bawak *uncle* [pak cik] dalam bidang ni, kiranya *uncle* [pak cik] punya ayah lah?**

MK: (Angguk kepala) ya, mak dan bapak lah.

**KH: *Okay* [baik], nak *move* [beralih] dekat satu soalan yang lain, (pergerakan tangan) nak tanya ikon -- *uncle* [pak cik] dalam bidang muzik ni. Siapa yang inspirasi *uncle* [pak cik]?**

MK: (Memegang kedua belah tangan) Ya, zaman tu untuk -- *international* [antarabangsa] saya punya zaman tujuh puluh lapan [78] ialah zaman kira enam puluh-an [60an] jugak lah, hujung-hujung enam puluh-an [60an]. (Gosok mata) Dia zaman tu zaman *Woodstock* [Album Jimi Hendrix], saya masih ingat lagi masa tu kecik saya dah tengok Jimi Hendrix punya --maksudnya dalam TV, *Woodstock* [Album Jimi Hendrix] Jimi Hendrix dan zaman saya ialah zaman *Deep Purple* [kumpulan muzik rock], *Led Zeppelin* [kumpulan muzik rock], *Uriah Heep* [kumpulan muzik rock] . Semua *70s* [70an] punya muzik itulah jadi idola tapi tu bahagian -- *international* [antarabangsa] pengaruh tu sangat kuat zaman tu itu sebab fenomena rock tu kuat lah zaman tu. Tapi untuk lokal banyak lagi kita tengok macam *Sweet Charity* [Kumpulan muzik rock] maksudnya... *Sweet Charity* [Kumpulan muzik rock], Kembara [Kumpulan muzik rock], *Unwanted* [Kumpulan muzik rock] macam macam lagi ah. *So* [jadi], Johor [Malaysia] pulak *Heavy Machine* [Kumpulan muzik rock] tu zaman tu abang-abang saya semua memang kira banyak band [kumpulan] ah yang berlaku zaman tu. *So* [jadi], dekat situ pengaruh saya banyak kuat lah tentang muzik tu *so* [jadi] dia memberi saya banyak inspirasi ah.

**KH: *Okay* [baik], nak tanya yang antara *uncle* [pak cik] sebut tadi semua yang *group* [kumpulan] tu, *uncle* [pak cik] pernah tengok tak diorang betul-betul?**

MK: Pernah, (Angguk kepala) memang, *of course* [sudah tentu] lah. Yang saya tengok lah, yang saya tengok jadi pengaruh tu kuat lah.

**ANA: *Okay* [baik], kita akan bergerak ke soalan yang seterusnya iaitu persepsi. Apakah pandangan *uncle* [pak cik] terhadap bidang muzik? Macam maksudnya boleh *uncle* [pak cik] ceritakan tak bidang muzik ni ada berapa cabang, lepas tu *uncle* [pak cik] rasa macam apa perbezaan dia....**

**KH: Bidang muzik dahulu dengan sekarang? Apa beza dia? Kalau *uncle* [pak cik] boleh tengok lah.**

MK: *Okay* [baik], pada awalnya muzik ni saya tahu dia sebagai *performance* [persembahan] je, just *performance* [persembahan] tapi setelah saya masuk dalam bidang rakaman sebenarnya banyak dia punya cabang selain daripada kita buat *arrangement* [susunan] (pergerakan tangan), kita buat lagu, lirik dan jugak kita sebagai *producer* [pernerbit], sebagai teknikal dan jugak sebagai maksudnya -- dalam segi mengajar, peluang tu muzik tu banyak jadik rupanya muzik ni sebenarnya macam-macam cabang ada *so* [jadi] kita lagi banyak lalui benda ni. Tu zaman tu pulak pada waktu tu memang tak banyak ibu bapa yang suka muzik tapi saya hairan Arwah bapak dan mak ni sangat sokong saya dengan muzik mungkin dia rasa muzik ni memang ada dia dah nampak sesuatu yang boleh banyak kita apa ni ceburi tu banyak cabang ah. *So* [jadi], dalam perjalanan saya dengan muzik ni saya lalui banyak setelah maksudnya empat puluh [40] tahun ni baru tahu maksudnya sebenar-benarnya muzik ni ialah satu karier atau pun pekerjaan yang -- sangat baik yang dia sangat.. bagi saya pertama ialah

MK: Yah, sekarang saya masih lagi, yang *best* [seronok] saya masih buat tiga-tiga. Pertama, solo carrier [Karrier solo], saya *perform* [mempersembah] sebagai Man Kidal, dan juga *Lefhanded* saya jalankan jugak. *Depends* [Bergantung] kepada peminat. Tapi baru ni saya tengah fokus dengan *Search* [Kumpulan nyanyian]. Maksudnya, saya taktahu Search ke nama tu *Search* ke apa Wallahuallam. Tapi saya fokus dengan Amy, Nasir, dengan Healary. Kita dah siap rakaman, Inshaallah, hujung tahun ni kita akan *release* [lepaskan]. Persiapan tu semua kita dah siap, tinggal masuk vokal, InshaAllah. Tula, samada Search ke, nama ke, saya taktahu, Wallahuallam tapi saya ikut je pada Amy. – Sekarang ni saya fokus pada tiga-tiga. Cuma, solo karrier saya (menggaru kepala), saya tetap jalan lah. Yang utama lah, tapi macam dengan Search tu saya hanya undangan dan *Lefthanded* pun saya jalan jugak, (ketawa kecil).

**KH & ANA: *Okay* [Baik], itu kalau dalam bidang muzik, kalau dalam kehidupan uncle [pak cik] sekarang? Family ke ada cucu baru ke.... (gaya tangan)**

MK: *Of course* [Sudah tentu] family, cucu--, dengan *business* [perniagaan] sikit, ajak keluarga buat business jalan-jalan, sambil-sambil cari pendapatan, saya sekarang melayan cucu lah, cucu saya dah sebelas [11]. Cucu sangat manja, mesti nak datang rumah atuk nenek. (senyum sinis) Ha kalau takada, nanti menangis.

**ANA: Kiranya peminat, kalau sokongan peminat. Ada beza ke dulu dengan sekarang? Ke sama je?**

MK: Sama. Pertama, pengalaman saya yang kedua saya tahu peminat saya sangat prihatin. Baru-baru ni saya kena sakit COVID. Banyak peminat yang bantu. Macam kawan-kawan, semua hantar makanlah, apalah, hantar duit (membetulkan rambut). Oh

peminat, yang best [seronok] bukan di Malaysia je, Malaysia ni Johor [Malaysia] dah tentulah, Terengganu, Kelantan, Melaka, Penang [Negeri-negeri di Malaysia], Utara ni sampai ke Singapura, Brunei dan Indonesia yang saya dapat kesanlah. Maksudnya bila dorang semua *call* [menghubungi], bagi bantuan, peminat saya rasa, luar jangkaan saya lah *compare* [berbanding] dengan dulu lah. Rupanya kita masih betul-betul ada peminat yang prihatan lah dan juga mengikuti saya. Mostly [Selalunya] kalau saya pergi channel [saluran] baru ni Man Kidal Legend ni, masih ramai dan banyak lagi yang ikut.

**ANA: Apakah perancangan *uncle* [pak cik] dalam masa terdekat ni? Macam uncle sebut tadi lah, ada lagu… (gaya tangan)**

MK: Tu lah, saya dah tunggu studio saya, InshaAllah. Studio *recording* [rakaman], rakaman, tunggu semua siap *so* [jadi] kita akan keluarkan banyak lagu.

**KH: Macam haritu kan, macam *Uncle* [pak cik] kena COVID tu, uncle [pak cik] stop kejap eh projek? (gaya tangan)**

MK: Eh, stop. Dua bulan (sambil memegang cincin di jari). Tapi memang tak boleh pun, PKP. PKP ni dua tahun kita stuck [sangkut] lah.

**KH: *Okay* [Baik], seterusnya kitorang nak tanya anugerah, *awards* [anugerah] yang *uncle* [pak cik] pernah dapat (membuat gaya tangan)**

MK: Anugerah (menggaru kepala) yelah, album terbaik *Lefthanded* lah. Tu kita dapat daripada anugerah AIM.

**KH: Tahun bila tu?**

MK: Rasa tahun, sembilan puluh [90] --, hujung-hujung lah, dua ribu [2000] camtu, sembilan puluh sembilan [99], dua ribu tu [2000]. Saya tak ingat tapi dah ada sejarah, nanti kita *check* [periksa] lah. Aah, ada dalam Youtube punya, *confirm* [pasti]. Yang inilah gambar, (sambil menunjukkan gambar di dinding).

**KH: Anugerah tu ada dekat siapa sekarang? (membuat gaya seakan trofi)**

**ANA: Yang trofi tu? (membuat gaya seakan trofi)**

MK: Pada arwah Samad. Yang -- gambar-gambar tu semua (sambilmenunjukkan gambar di dinding) yang maksudnya, yang anugerah album (membuat gaya tangan berbentuk petak) terbaik, yang jualan tu semua dekat studio. Tapi banyak yang saya dah pindah-pindah ni, saya berapa kali pindah kan. Banyak hilang dah.

**ANA: (Ketawa besar)**

MK: Yang *best* [seronok], adik-adik dah ambik simpan lah.

**ANA: Apakah perasaan *uncle* [pak cik] waktu menang *award* [anugerah] tu? (mengangkat tangan).**

MK: Saya tak rasa apa. Maksudnya satu, maksudnya *achievement* [pencapaian] lah. Maksudnya, ini bukan kebanggan bagi saya. Ini macam, kita rasa maksudnya orang menerima kerja kita lah. (sambil membuat gaya pada tangan).

**KH: *Appreciate* [dihargai] lah?**

MK: (Angguk) *Appreciate* [hargai] kerja kita. Itu yang saya rasa sebernarnya setiap benda yang saya buat, maksudnya bila saya dapat apa-apa lah, pilu tu lah rasa. Kita rasa dorang menghargai. Itu aje lah. Itu yang paling *best* [seronok] lah.

**ANA: *Okay* [Baik], kita bergerak ke kenangan pahit pula. Boleh tak *uncle* [pak cik] ceritakan sikitlah (buat gaya tangan sikit) tentang pengalaman pahit.**

MK: Dua lah. Dua. Pertama saya *accident* [kemalangan]. Sebab saya dapat pengalaman peminat ni, saya tahu dorang ni mengikuti saya lah. Pertama, yang zaman tahun -- berapa eh, tahun lapan puluh lebih [80], sembilan puluh [90] rasa, hujung-hujung lah. Saya, apa ni, ada pengalaman *accident* [kemalangan], anak saya meninggal. Itu yang kedua, COVID ni lah, yang terbaru. Pengalaman pahit saya, masa saya kena sakit COVID lah.

**ANA: Okay, waktu main gitar, ada ke kenangan pahit?**

**KH: Dengan pemuzik lain?**

MK: Banyak yang kita lalu. Contohnya main salah lah, main tak sedaplah.

**ANA: Hahahaha (ketawa besar).**

MK: Itu memang, bagi saya *human* [manusia] lah. Pengalaman pahit waktu saya, kitorang pergi *show* [persembahan] lah. Paling teruk sekali pergi *show* [persembahan], zaman dulu pergi Sabah [Malaysia], orang tak bayar, kita stuck [tersekat], tak boleh balik kan (menggangkat tangan). Itu semua kita lalu lah. Pengalaman paling teruk sekali waktu show [persembahan], tak dapat duit lah. Hahahaha (Ketawa).

**ANA: Hahahaha (ketawa).**

MK: Zaman tu lalu, kita selalu kita kena.

**ANA: Kenangan manis pulak?**

MK: Kenangan manis banyaklah. Banyak jugak lah. Maksudnya yelah saya, kita saya dapat cucu, anak-anak saya kahwin, tu banyak lah kenangan -- baik. Mostly – cucu lah. Sekarang ni paling *best* [seronok] sekali saya ada cucu banyak lah

**KH & ANA: Hahahahaha (ketawa).**

MK: Kalau datang kat sini, semua kecoh lah. (angkat tangan)

**KH & ANA: Kecoh… (senyum & angguk)**

MK: Ributlah.

**ANA: Ramai kawan. (senyum)**

**ANA: *Okay* [Baik], untuk sumbangan pulak. Apakah sumbangan yang *uncle* [pak cik] pernah lakukan dalam bidang muzik? Macam…**

MK: Of course [sudah tentu]. Kita selalu buat kebajikan. Kebajikan ni maksudnya, *show-show* (persembahan-persembahan) *free* [percuma] lah untuk kebajikan. Tu memang selalu. Tu selalu. Yang kedua, maksudnya membantu, kalau saya dalam bidang *business* [perniagaan] ni kita memang bagi zakat dekat anak-anak yatim, ibu tunggal lah. Kalau saya, selalunya. Yang lepas-lepas lah. Kelebihan tu saya buat. Dalam meniaga tu memang kita kena bagi lah. Lagi satu dalam muzik pulak, memang siapa yang perlukan kita dalam segi untuk nak buat kutipan apa-apa memang saya buat untuk *free* [percuma] lah.

**KH: Sebagai penutup katalah, nak tanya harapan. Harapan *uncle* [pak cik] dalam industri muzik kita sekarang?**

MK: Saya rasa takada harapan maksudnya yang besarlah bagi saya. Cuma kita tahu sekarang maksudnya, muzik kita dah maju. Malaysia ni okay [baik]. Lagi satu, sambutan tu bagus. Yang -- -- -- jadi masalah sekarang ni, ialah bila dalam maksudnya *online* [atas talian]. Harapan saya cuma satu je. Peminatlah, ataupun orang yang -- tak suka kita. Bahasa tu sangat-sangat ketatlah. Sangat-sangat maksudnya menyentu lah. Keras sangat lah. Macam dah takada budi bahasa. Tu je saya yang merisaukan saya. Dalam segi maksudnya, bangsa kita lah. Budak-budak sekarang kita ni kan. Dia dah hilang budi bahasa, ataupun…Bagi saya, komen yang membina *okay* [baik]. Komen yang membina lain dengan komen yang kondem. Sekurang-kurangnya, kita kena

sokong jugak, maksudnya industri muzik kita yang lokal. Walau pandangan bagi saya, segelintir tu nampak muzik kita macam tak maju. Tapi sebenarnya muzik kita dah maju dah. Satu dunia pun kenal. Tapi segelintir je lah. Itu je harapan saya agar dorang tu bagi komen yang membina lah bukan kondem lah. Bukan kondem atau mengutuk kan satu sama lain sangat. Benda tu bagi saya dah jadi macam, boleh jadi fitnah jugak lah. Sekarang ni zaman fitnah kuat. Yang -- saya harapkan kalau benda tu jangan adalah. Kita banyak fikir yang baik je, nak-nak zaman ni zaman COVID ni. Jangan lah fikir banyak negatif kan. Biarlah positif je.

**KH: *Okay* [Baik], nak tanya *uncle* [pak cik] kan, apa pendapat *uncle* [pak cik] untuk pelapis seni muzik yang sekarang. (gaya tangan)**

MK: Bagus (angguk). Memang menggalakkan. Saya tengok banyak *talent* [bakat] yang bagus-bagus. Cuma, dorang kena satu je, kena maksudnya mintak pendapat atau bercampur lah dengan orang-orang lama.

**KH: Otai lah?**

MK: Pasal pengalaman kan. Kat situ dorang perlu sebenarnya. Dorang akan bertambah maksudnya, dorang bagus. Bagai… *Talent* [Bakat] saya nampak memang bagus. Lagi satu, dorang masih bertenaga kan, masih *fresh* [segar]. Cuma tu cakap, dorang kena ada tahu nanti bila campuran tu. Dia kena campur dengan orang-orang lama ni pasal mungkin dia akan dapat satu *direction* [halatuju] yang baik. InshaAllah.

**KH: Nak banyak belajar lah dari orang lama… (pergerakan tangan)**

MK: (Angguk) *Direction* [halatuju] kan yang penting. Zaman ni belajar mana-mana boleh belajar kan (angkat tangan). Tapi pencampuran tu penting, oh dia nampak nanti dia punya *direction* [halatuju] ataupun dia akan lebih baik lah.

**KH: Dapat tolong dorang lah.**

MK: Ya.

**KH: Okay [Baik]. Hasrat *uncle* [pak cik] sekarang. Macam *uncle* ada lagi tak impian *uncle* [pak cik] yang *uncle* [pak cik] tak capai lagi, yang *uncle* [pak cik] nak?**

MK: *Of course* [Sudah tentu]. Saya, yang sekarang ni dah takada lagi lah. Maksudnya dah boleh, kita takada landasan dah. Dulu kita nak buat lagu, album, bertahap maksudnya *release* [keluarkan] kat luar. *International* [antarabangsa] boleh jual. Sekarang dah mudah. *So* [Jadi] tinggal…saya punya cita-cita saya akan buat album yang bagus (gaya tangan) untuk pasaran dunia. Itu memang saya kejar, nak capai (angkat tangan) --, kejar impian tu. Tapi sekarang ni Alhamdulillah, kita, satu dunia dah boleh Nampak apa yang kita boleh buat disini. Maksudnya Youtube, internet. Sekarang takada landasan lah (geleng kepala).

**KH: Nak tanya *uncle*, *uncle* sekarang sibuk dengan projek solo lah? Yang *Lefthanded* pulak takda nak…**

MK: Of course [sudah tentu]. Kan saya cakap tadi, saya buat solo, saya buat *lefthanded*, dengan Search [Kumpulan Rock] pun saya buat. Nengok pada masa tu. Saya tengah susun sekarang. Kita kena bahagi-bahagi. Kita kena buat jugak lagu-lagu baru.

**KH: Kiranya *uncle* [pak cik] memang *busy* [sibuk] lah sekarang?**

MK: Haah (angguk). Lagi satu saya tengah tunggu sebenarnya studio saya siap lah. Baru saya boleh gerak kan. Yelah, sekarang ni masih lagi tak berapa kita boleh nak buat show ke apa.

**KH: *Uncle* [pak cik] ada studio baru ke apa?**

MK: Haah studio baru.

**ANA: *Uncle* [pak cik] ada buat kelas untuk orang ramai ke?**

MK: Tu InshaAllah. Nantilah. Lepas busy, sekarang tak boleh. Banyak yang request pun dekat saya punya Youtube *channel* [saluran] tu. Tapi saya belum boleh buat, pasal apa saya tengah susun. Jadual pun penuh. Baru start daripada COVID ni. Lagi satu, kita nak kena *build up* [bina semula] balik lah. Ekonomi kita semua dah tak kuat dah.

**KH & ANA: (Angguk dan bersedia untuk penutup)**

MK: So itu je? Panjang juga tu. Banyak nanti boleh... Terima kasih tau.

**KH & ANA: Hahahaha (ketawa kecil) Kejap jangan, jangan.**

MK: Terima kasih pada anda semua yang sudi, semoga selamat belajar.

**KH & ANA: Doakan, hahahaha (ketawa).**

MK: Selamat Berjaya, InshaAllah. (Senyum)

**Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang artis veteran bersama Abdul Rahman bin Mahmood atau sering lebih dikenali Man Kidal. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan Kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang artis veteran pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

# 6.0 LOG TEMUBUAL

## 6.0 LOG TEMUBUAL

| LOG | TOPIK | |
|---|---|---|
| 0:48-2:24 | Latar belakang diri | ➢ Nama sebenar ialah Rahman Mahmood.<br>➢ Berumur lima puluh tujuh tahun.<br>➢ Berasal dari Johor.<br>➢ Mempunyai 11 orang cucu.<br>➢ Bersekolah di Singapura dan kerap berulang alik dari Singapura ke Johor Bahru oleh kerana Arwah Ayah beliau adalah seorang askar yang bertapak di Singapura.<br>➢ Menetap di Skudai Kiri, Johor Bahru sewaktu membesar.<br>➢ Hobi beliau ialah berlatih muzik sama ada di rumah atau di studio.<br>➢ Beliau juga menyukai kereta.<br>➢ Beliau adalah anak yang ke-10. |
| 2:25-4:36 | Keluarga | ➢ Mempunyai 12 adik beradik dan beliau anak yang ke -10.<br>➢ Minatnya dalam bidang muzik berasal daripada Arwah Ayah dan Arwah Mak beliau yang sudah menyediakan kelengkapan muzik sejak beliau kecil lagi.<br>➢ Bermula dengan bermain instrumen dram pada umur 7 tahun.<br>➢ Mempelajari juga instrumen lain juga seperti bass.<br>➢ Mula bermain gitar selepas 9 tahun berjinak dengan intrumen dram.<br>➢ Status pegangan instrumen gitar menjadi utama dan yang ke-dua ialah instrumen dram. |

| | | |
|---|---|---|
| | | ➢ Jika beliau tidak bermain gitar, beliau akan bermain dram.<br>➢ Abang-abang dan kakak-kakak beliau juga pemuzik sewaktu dahulu.<br>➢ Arwah Bapa dan Mak beliau yang memberi galakan penuh kepada beliau untuk jadikan muzik sebagai bidang karier. |
| 4:37-6:19 | | ➢ Berumah tangga dengan isteri beliau berdasarkan pilihan keluarga.<br>➢ Dijodohkan disebabkan Arwah bapa dan mak beliau ingin seseorang yang boleh menyokong beliau dalam bidang muzik.<br>➢ Sehingga sekarang, isteri beliau masih menyokong beliau dalam bidang muzik dan juga merupakan pengurus beliau.<br>➢ Isteri beliau bernama Norlaila Binti Yusof merupakan saudara jauh dan berumur 57 tahun.<br>➢ Keluarga beliau dan juga keluarga isteri beliau berasal dari Johor.<br>➢ Man ialah nama timangan beliau dalam kalangan keluarga. |
| 6:20-7:36 | Perjalanan pendidikan | ➢ Bersekolah rendah di Kaki Bukit Primary School.<br>➢ Bersekolah dengan bekas pemain bola Singapura Fandi Ahmad.<br>➢ Menyambung pendidikan sekolah menengah di Kaki Bukit Secondary School.<br>➢ Selepas tingkatan satu, beliau berpindah dan bersekolah di Johor atas sebab Arwah ayah beliau perlu berpindah ke Johor untuk urusan kerja. |

| | | |
|---|---|---|
| | | ➢ Beliau mempunyai kesukaran sewaktu bersekolah di Malaysia disebabkan subjek berlainan dengan sekolah lamanya di Singapura dan Bahasa yang berlainan.<br>➢ Atas sebab kesukaran tersebut, Arwah bapa beliau memberi pilihan kepada beliau sama ada untuk meneruskan sekolah atau fokus sepenuhnya pada karier muzik.<br>➢ Beliau membuat keputusan untuk menjadikan muzik sebagai bidang karier.<br>➢ Memulakan karier muzik beliau di Johor Bahru. |
| 7:37-8:40 | Kerjaya sebelum melibatkan diri dalam bidang muzik | ➢ Bekerja atas sebab ingin mengumpul duit untuk membantu karier muzik beliau.<br>➢ Pernah bekerja di Pelabuhan Johor yang terletak di Pasir Gudang, Johor.<br>➢ Pernah juga bekerja di stesen minyak, menjaga warung, kelapa sawit.<br>➢ Banyak lagi pekerjaan lain yang beliau pernah bekerja dan semua pekerjaan beliau separuh masa.<br>➢ Beliau bekerja pada zaman 70-an.<br>➢ Lokasi pekerjaan beliau semua adalah di Johor Bahru dan di Pasir Gudang. |
| 8:41-10:16 | Penglibatan awal | ➢ Sekolah beliau di Singapura mempunyai subjek muzik yang dieplajari oleh beliau.<br>➢ Arwah bapa beliau memanggil cikgu untuk mengajar muzik di rumah sejak beliau kecil.<br>➢ Selepas 10 tahun, beliau bermula serius dalam pelajaran muzik.<br>➢ Beliau menjadi betul-betul serius dalam bidang muzik selepas membuat rakaman. |

| | | |
|---|---|---|
| | | ➢ Pendidikan beliau dalam bidang muzik tidak tinggi tetatpi beliau banyak pengalaman membuat persembahan.<br>➢ Beliau membuat persembahan di majlis perkahwinan, pertunjukan dan di pesta-pesta.<br>➢ Beliau bermula dengan persembahan di majlis orang kahwin di Johor.<br>➢ Bapa dan mak beliau merupakan orang yang bertanggungjawab untuk membawa beliau dalam bidang muzik. |
| 10:17-11:56 | Ikon and pengaruh muzik | ➢ Pada zaman 60-an, beliau mula menonton rancangan muzik seperti album Woodstock oleh Jimi Hendrix di dalam TV.<br>➢ Ikon lain beliau adalah Deep Purple, Led Zeppelin dan Uriah Heep.<br>➢ Selain kumpulan antarabangsa, beliau juga mengidolakan kumpulan lokal seperti Sweet Charity, Kembara, Unwanted, Heavy Machine dan banyak lagi.<br>➢ Semua kumpulan yang disebutkan oleh beliau menjadi pengaruh kuat dan memberi beliau inspirasi dalam bidang muzik.<br>➢ Beliau pernah melihat secara langsung persembahan idola yang disebutkan. |
| 11:57-15:08 | Persepsi terhadap bidang muzik dahulu dan sekarang dan cabang muzik | ➢ Beliau pada mulanya fikir yang muzik hanya sebagai persembahan sahaja.<br>➢ Setelah menyertai bidang rakaman, beliau mendalami tentang cabang muzik seperti susunan lagu, membuat lagu, lirik, penerbit, teknikal dan banyak lagi.<br>➢ Beliau hairan mengapa Arwah bapa dan mak memberi galakan beliau dalam bidang |

| | | |
|---|---|---|
| | | muzik sedangkan pada zaman ketika itu banyak ibu bapa yang tidak gemar dengan muzik.<br>➢ Selepas 40 tahun dalam muzik, beliau beranggapan bahawa muzik ini ialah satu karier atau pun pekerjaan yang sangat baik.<br>➢ Beliau berpendapat bahawa nada muzik itu boleh dipelajari oleh sesiapa pun tanpa mengira bangsa tanpa halangan.<br>➢ Beliau melihat muzik sebagai satu semangat setelah pergi ke luar negara seperti Germany, America, Jakarta, Thailand, Indonesia, Brunei, Singapura untuk bermain muzik.<br>➢ Beliau pergi ke Thailand seorang diri dan tidak mengenali sesiapapun di sana tetapi beliau ke kelab untuk bermain muzik dan selepas pada itu terus ramai kawan beliau dapat.<br>➢ Beliau bertuah kerana golongan ibu bapa memberi galakan kepada beliau dan bertuah dapat bermain muzik. |
| 15:09-17:10 | | ➢ Beliau berpendapat bahawa perbezaan muzik dahulu dan sekarang hanya teknologi yang digunakan tetapi ideologi tetap sama.<br>➢ Pada zaman dulu, beliau perlu merakam semula jika ada tersalah dalam rakaman tetapi sekarang hanya boleh menyunting begitu sahaja.<br>➢ Beliau beranggap muzik pada zaman sekarang lebih bagus kerana lebih cepat dan mudah. |

| | | |
|---|---|---|
| | | ➢ Beliau berpendapat zaman sekarang industri muzik lebih kreatif.<br>➢ Penggunaan teknologi yang canggih dan kelengkapan muzik yang semakin banyak berbanding dahulu. |
| 17:11-19-13 | Sebab memilih genre muzik rock | ➢ Bukan beliau yang memilih genre muzik rock pada zaman itu tetapi genre rock yang sedang popular pada masa itu.<br>➢ Beliau bukan sahaja bermain gitar dalam genre muzik rock sahaja tetapi juga bermain lagu genre asli dan joget juga pada majlis perkahwinan.<br>➢ Pada zaman permulaan beliau membuat persembahan di majlis perkahwinan, beliau dan kumpulan juga bermain lagu-lagu popular pada zaman itu seperti dari kumpulan Sweet September, Carefree dan Alleycat.<br>➢ Beliau berkata pengaruh fenomena muzik rock pada zaman itu sangat kuat. |
| 19:14-19:44 | Pendapat tentang cabang muzik rock yang popular di Malaysia | ➢ Beliau berpendapat bahawa walau apa sahaja cabang rock di Malaysia seperti rock kapak, rock metal atau yang lain, yang penting hanyalah pada sesebuah lagu yang dihasilkan itu sedap atau tidak.<br>➢ Apabila membuat sesuatu lagu itu, beliau menekankan untuk membuat lagu yang berkualiti penting untuk penerimaan pendengar.<br>➢ Dalam sesuatu persembahan oleh sebuah kumpulan atau sesuatu individu itu, bukan sahaja dipersembahkan untuk menghiburkan pendengar tetapi juga |

| | | |
|---|---|---|
| | | mengikut selera orang yang mempersembahkan karya mereka itu untuk memainkan genre mengikut keutamaan mereka sendiri.<br>➢ Beliau juga berpendapat bahawa apabila menghasilkan sesebuah lagu itu, pemuzik perlu lah mengkaji terlebih dahulu tentang karya mereka untuk mendapatkan penerimaan pendengar. |
| 19:45-19:58 | Pilihan kerjaya - Titik permulaan dan cabaran dengan instrumen gitar | ➢ Pengaruh daripada menonton televisyen pada zaman itu dan kawan kawan yang bermain gitar.<br>➢ Bermula dengan bermain instrumen dram tetapi bertukar minat kepada instrumen gitar selepas melihat pemain gitar antarabangsa Jimi Hendrix yang gemar menggigit gitar pada zaman itu menarik perhatian beliau untuk bermain gitar dengan serius. |
| 19:59-21:04 | Cabaran bermain gitar dengan tangan kiri | ➢ Cabaran beliau bermain gitar dengan tangan kiri amat lah perit dan susah.<br>➢ Beliau terpaksa belajar dua kali kerana kedudukan instrumen yang terbalik.<br>➢ Tiada nota muzik khas untuk pemain gitar tangan kiri sehingga sekarang menjadi cabaran besar buat beliau walaupun<br>➢ Nota muzik semua adalah sama dengan orang yang tangan kanan tetapi kedudukan berbeza menjadikan cabaran buat beliau.<br>➢ Terlalu susah untuk belajar gitar menggunakan tangan kiri sehingga tahap ingin menangis. |

| | | |
|---|---|---|
| | | ➢ Beliau bersyukur dengan semangat dalam bermain gitar walaupun sukar kerana bertangan kiri dan besyukur bakat yang diberi oleh Allah S.W.T kepada beliau.<br>➢ Jimi Hendrix juga bermain gitar dengan tangan kiri memberikan beliau persepsi bahawa tidak mustahil untuk orang tangan kiri untuk berjaya bermain gitar. |
| 21:05-22:11 | | ➢ Arwah bapa dan abang-abang beliau memberi galakan kepada beliau untuk tetap bermain gitar yang mempunyai tali gitar untuk orang tangan kanan supaya beliau dapat membiasakan diri dan untuk memudahkan belia membuat persembahan di mana sahaja tanpa perlu membawa gitar khas untuk orang tangan kiri.<br>➢ Sukar untuk beliau kerana perlu bertukar dua kali kerana bermain gitar kedudukan kiri. |
| 22:12-22:37 | Orang yang bertanggungjawab mengajar Man Kidal bermain gitar | ➢ Arwah bapa dan mak beliau selalu memanggil guru datang mengajar di rumah.<br>➢ Di sekolah juga beliau ada guru yang mengajar muzik.<br>➢ Guru yang datang ke rumah untuk mengajar beliau merupakan kenalan abang-abang beliau. |
| 22:38-23:05 | Lagu pertama yang dimainkan semasa mula bermain gitar | ➢ Beliau bermula dengan mempelajari kord gitar bukan lagu. |
| 23:06-24:02 | Lagu yang gemar dimainkan | ➢ Bermula dengan bermain lagu-lagu Jimi Hendrix diikuti dengan kumpulan Deep Purple, Sweet Charity dan juga lagu-lagu |

| | | |
|---|---|---|
| | | artis Indonesia seperti Rhoma Irama dan kumpulan God Bless. |
| 24:03-24:34 | Sebab memilih muzik sebagai bidang kerjaya | ➢ Pada awalnya, beliau mendapat galakan untuk bermain muzik daripada keluarga.<br>➢ Setelah beliau berpindah dari Singapura ke Johor Bahru, beliau mengambil langkah serius dalam bidang muzik selepas tidak dapat meneruskan sekolah di Johor kerana tidak biasa. |
| 24:35-26:06 | Kumpulan pertama yang disertai | ➢ Beliau mula menyertai rakan-rakan sekolah dalam kumpulan Crystal Prince di Singapura.<br>➢ Walaupun sudah berpindah ke Johor, namun beliau selalu berulang alik ke Singapura.<br>➢ Pada tahun 1978, beliau mula menubuhkan kumpulan Lefthanded di Johor Bahru.<br>➢ Pada tahun 1980, beliau menyertai kumpulan Search.<br>➢ Pada tahu seterusnya iaitu 1981, beliau dapat sertai album pertama Search bertajuk Cinta Buatan Malaysia.<br>➢ Selepas membuat album bersama kumpulan Search, beliau terus mengambil kumpulan Lefthanded ke Kuala Lumpur untuk membuat rakaman.<br>➢ Walaupun beliau menyertai kumpulan Search pada ketika itu tetapi pada masa yang sama beliau masih menganggotai kumpulan Lefthanded. |
| | | ➢ Kumpulan pertama beliau dalam industri muzik Malaysia adalah kumpulan |

| | | |
|---|---|---|
| | | Lefthanded tetapi tidak pernah membuat rakaman pada mulanya.<br>➢ Manakala, kumpulan pertama yang disertai oleh beliau yang pertama kali membuat rakaman ialah kumpulan Search. |
| 26:07-27:48 | Ahli kumpulan | ➢ Jumlah ahli kumpulan pertama di Singapura dulu ialah 3 orang dan salah satu nama anggota kumpulan ialah Maman.<br>➢ Beliau bermain dram dalam kumpulan pertama yang disertai di Singapura.<br>➢ Apabila menubuhkan kumpulan Lefthanded, barulah beliau bermain gitar.<br>➢ Pada awalnya anggota kumpulan Lefthanded adalah dianggotai oleh beliau sendiri, Arwah Dayak, Yan, Appa, Salam, Arwah Dol, Arwah Zainal dan Amir.<br>➢ Kumpulan *Lefthanded* sering tukar ganti anggota kumpulan.<br>➢ Jumlah kumpulan Search pada waktu itu ialah 4 orang yang dianggotai oleh beliau sendiri, Arwah Yazid, Amy Search, Nasir dan juga Din Mayat. |
| 27:49-29-23 | Permulaan kumpulan Lefthanded | ➢ Mula mengenali rakan artis lain seperti Amy Search, Arwah Yazid dan BPR di tempat orang bermain muzik di B Sound Studio yang terletak di bangunan yang dipanggil sebagai Komtar di Johor Bahru.<br>➢ Selepas pada itu, semua mengikut haluan masing-masing.<br>➢ Kumpulan Search ke Kuala Lumpur manakala kumpulan Lefthanded mula |

| | | |
|---|---|---|
| | | bermain di majlis-majlis perkahwinan di Johor.<br>➢ Terciptanya nama Kumpulan Lefthanded itu apabila mereka ingin menyertai Battle of The Band.<br>➢ Nama kumpulan Lefthanded dicipta oleh kawan beliau iaitu pengurus studio disebabkan Man Kidal bermain gitar dengan tangan kiri. |
| 29:24-31:43 | Pengalaman sebagai gitaris utama kumpulan Leftanded | ➢ Beliau bukan sahaja pemain gitar utama dalam kumpulan Lefthanded malah beliau sendiri yang menubuhkan kumpulan itu.<br>➢ Beliau bekerja untuk mencari duit membayar studio untuk bermain muzik bersama ahli kumpulan beliau.<br>➢ Beliau juga bertanggungjawab untuk mencari ahli kumpulan Lefthanded sendiri.<br>➢ Tanggungjawab sebagai pengasas kumpulan Lefthanded sememangnya sukar buat beliau tetapi kerana minatnya yang mendalam dan cita-cita untuk menjadi seperti kumpulan muzik popular yang lain telah memberi semangat buat beliau untuk berusaha menghasilkan kumpulan Lefthanded.<br>➢ Beliau berpendapat bahawa di dalam sesebuah kumpulan muzik itu, peranan sebagai gitaris utama adalah sama-sama penting sahaja dengan penyanyi, pemain bass, pemain dram dan lain lain.<br>➢ Beliau beranggap bahawa sesebuah kumpulan muzik itu adalah sebuah keluarga yang perlu mengambil tahu |

| | | |
|---|---|---|
| | | semua perkara agar dapat membantu dalam penghasilan rakaman yang memerlukan penuh perincian. |
| 31:44-31:54 | Persembahan pertama kumpulan Lefthanded | ➢ Persembahan pertama kumpulan Lefthanded adalah di majlis-majlis perkahwinan. |
| 31:55-34:28 | Perasaan sewaktu membuat persembahan | ➢ Pada zaman yang dilalui beliau, mereka tidak merasa gemuruh kerana mereka seronok membuat persembahan.<br>➢ Hanya tempat yang tidak mereka biasa membuat persembahan sahaja yang membuatkan mereka berasa gemuruh sedikit.<br>➢ Beliau berpendapat bahawa perasaan gemuruh ini tentu sekali akan datang apabila seseorang itu tidak membuat persediaan yang mencukupi. |
| 33:33-34:29 | Lagu pertama yang dibawa serta sering dimainkan di majlis orang kahwin | ➢ Mereka membawa lagu-lagu sensasi dan popular.<br>➢ Beliau berkata lagu pertama yang dimainkan oleh mereka adalah lagu daripada kumpulan muzik yang berasal daripada Singapura iaitu Sweet Charity.<br>➢ Kumpulan mereka membawa banyak lagu asli antaranya, Lagu Joget, Selasehku Sayang, Joget Pahang dan banyak lagi.<br>➢ Beliau mengatakan juga bahawa ketika zaman itu, mereka sering membawa lagu daripada kumpulan Kembara, Sweet Charity, *Sweet September*, Jay Jay, lagu *Carefree*, dan AlleyCat. |

| | | |
|---|---|---|
| 34:30-34:57 | Gitar yang digunakan pada waktu itu. | ➢ Beliau menggunakan gitar yang sangat murah dan beliau tidak ingat tentang gitar itu.<br>➢ Man Kidal berkata bahawa harga gitar beliau adalah Rm400 dan jenamanya adalah Aria Pro.<br>➢ Beliau juga mengatakan bahawa jika ingin membeli gitar yang mahal harganya ketika zaman itu, mereka perlu memesannya terlebih dahulu.<br>➢ Ibanez, Aria Pro adalah antaranya gitar yang berasal Jepun dan membawa pengaruh besar ketika itu. |
| 34:58-35:26 | Lagu ciptaan di dalam kumpulan Lefthanded | ➢ Lagu ciptaan beliau adalah lebih daripada 10 buah.<br>➢ Setiap ahli kumpulan Lefthanded perlu menyumbang sebanyak 2 lagu untuk setiap seorang setelah dibahagi. |
| 35:27-36:15 | Konsert pertama yang dijalankan | ➢ Abang Ali Bakar merupakan orang kuat didalam Show Matser.<br>➢ Konsert pertama berlangsung di Stadium Merdeka.<br>➢ Merupakan konsert pertama dan terbesar buat kumpulan Lefthanded sebelum membuat rakaman pertama.<br>➢ Lefthanded semakin popular selepas konsert ini berlangsung.<br>➢ Terdapat rakan artis lain seperti Arwah M. Sarip, band Headwind dan lain lain.<br>➢ Selepas konsert tersebut, kumpulan Lefthanded mendapat tawaran daripada Ali Bakar untuk Battle of The Band. |

| | | |
|---|---|---|
| 36:16-36:38 | Lagu pertama di konsert | ➢ Membawa lagu daripada penyanyi Rhoma Irama dan lagu bertajuk God Bless daripada kumpulan Soddom & Gomorrah.<br>➢ Hanya membawa dua lagu ketika itu. |
| 36:39-37:40 | Memenangi Pertandingan | ➢ Lefthanded mula terkenal di Johor.<br>➢ Selepas memasuki Battle of the Band, kumpulan Lefthanded memasuki pertandingan "Band Rock". Daripada itu, Lefthanded yang juga telah mempunyai nama memenangi pertandingan di Johor Baharu. |
| 37:41-39:35 | Titik Permulaan sebelum Solo | ➢ Sebelum melangkah diri melakukan solo, beliau berkecimpung dahulu ke dalam pelbagai cabang muzik.<br>➢ Beliau bermula sebagai "Sessionist" ataupun Pemuzik Bebas. Beliau bermain untuk Dato Jamal, Dato Hattan dan banyak lagi.<br>➢ Beliau juga mengambil bidang "arrangement" ataupun dikenali sebagai menyusun dan membuat muzik.<br>➢ Beliau bergerak sebagai seorang penerbit lagu (producer).<br>➢ Beliau menerbitkan lagu untuk Ella, Shima, Arab & Aidit dan banyak lagi.<br>➢ Selepas semua langkah dilakukan, beliau mahu membuat album solo. |
| 39:36-40:48 | Titik Permulaan sebagai artis Solo | ➢ Setelah mengumpul dan menyedari bahawa banyak pengalaman sudah diperoleh, Man Kidal mula membuat album solo.<br>➢ Lagu Mantera Kidal adalah salah satu lagu yang dibuat secara sikit demi sedikit. |

| | | |
|---|---|---|
| | | ➢ Man Kidal mengeluarkan album penuh beliau pada tahun 1990 lebih dan beliau terbayang beliau membuat lagu tersebut seperti Jimi Hendrix dan Carlos Santana.<br>➢ Beliau ke Russia untuk bermain lagu orkestra dan berganding bahu bersama V Valdi yang merupakan seorang pemain violin.<br>➢ Berkait dengan itu, beliau membuat lagu Seruan dan Sentuhan Kidal untuk versi orkestra. |
| 40:49-40:58 | Tahun Album Solo dikeluarkan | ➢ Tahun sembilan belas sembilan puluh enam. (1996) |
| 40:59-42:36 | Kolaborasi dengan artis lain | ➢ Beliau pernah berkolaborasi dengan budak-budak yang berumur lapan belas tahun untuk kolaborasi gitar.<br>➢ Pernah berkolaborasi dengan Yazid di Singapura.<br>➢ Kolaborasi lagu Sentuhan Kidal yang mempunyai 5 penyanyi antaranya adalah Sarah Yaakob, Jeffry Din, Mimi Loma.<br>➢ Berkolaborasi dengan Naim Daniel melalui satu lagu serta membuat rakaman bersama.<br>➢ Menjadi jemputan untuk persembahan bersama Aina Abdul. |
| 42:37-43:38 | Koleksi Gitar dan Instrumen | ➢ Beliau pernah mengumpul sebanyak hampir 100 biji gitar.<br>➢ Separuh daripadanya sudah dijual oleh kerana tidak dapat menjaganya.<br>➢ Hanya 20 sahaja yang disimpan dan ianya gitar-gitar yang paling disayangi beliau. |

| | | |
|---|---|---|
| | | ➢ Beliau menyimpan 5-6 gitar sahaja dirumah.<br>➢ Selebihnya berada di studio.<br>➢ Beliau mempunyai pelbagai instrumen lain seperti set dram, papan nada, dan banyak lagi di studio beliau. |
| 43:39-45:48 | Gitar kegemaran | ➢ Gitar pertama beliau yang bernama Vendor adalah gitar yang paling beliau sayang.<br>➢ Beliau bermain menggunakan Gitar Vendor itu dengan lebih tiga suku artis di Malaysia antaranya Datuk Jamal.<br>➢ Gitar tersebut dimiliki oleh beliau sejak tahun 1980.<br>➢ Gitar tersebut adalah gitar pertama yang dibeli oleh beliau daripada kawan beliau sendiri yang pada mulanya memesan gitar tersebut akan tetapi tidak berpuas hati dengannya.<br>➢ Nilai sekarang gitar tersebut boleh mencecah RM80,000.<br>➢ Beliau amat menyayangi gitar tersebut.<br>➢ Gitar terbaru beliau adalah gitar yang ditaja dan merupakan gitar yang ditempah daripada Sabah. |
| 45:49-46:12 | Jenama Gitar | ➢ Terdapat pelbagai jenama gitar iaitu antaranya Gibson Explorer, Fender dan Gibson Primary.<br>➢ Gitar beliau banyak daripada jenama Gibson dan Fender.<br>➢ Beliau banyak mengubahsuai gitar beliau. |
| 46:13-46:21 | Gitar Termahal | ➢ Gitar termahal beliau hampir mencecah RM80,000. |

| | | |
|---|---|---|
| 46:22-46:51 | Menghadiahkan dan menjual koleksi gitar | ➢ Ketika mempunyai 100 koleksi gitar, beliau banyak menjualnya.<br>➢ Beliau juga ada menghadiahkan dan menjual kepada rakan-rakan beliau. |
| 46:52-49:58 | Kerjaya lain | ➢ Beliau ada penjenamaan beliau sendiri iaitu penjenamaan dan perniagaan minyak wangi.<br>➢ Jenama minyak wangi beliau adalah 'MK Perfume'<br>➢ Sebelum COVID-19 melanda, beliau mempunya lebih kurang 13 'branding' sendiri. Akan tetapi, oleh kerana COVID, beliau terpaksa bermula semula daripada satu.<br>➢ Idea tersebut datang daripada anak pertama dan kedua beliau sendiri iaitu Farah dan Elly.<br>➢ Terdapat wangian lelaki dan perempuan.<br>➢ Penjenamaan dan perniagaan sendiri oleh beliau telah berusia hampir 5 tahun.<br>➢ Beliau mengiklankan perniagaan beliau melalui platform media sosial seperti Telegram dan Instagram.<br>➢ Ianya adalah perniagaan keluarga dan untuk pendapatan sampingan. |
| 49:59-51:10 | Perkembangan dalam bidang Muzik | ➢ Beliau masih melakukan ketiga-tiga perkara iaitu karier solo, Man Kidal dan juga sebagai ahli Lefthanded.<br>➢ Beliau bergantung kepada peminat.<br>➢ Sekarang beliau sedang memberi tumpuan dengan kumpulan Search sebagai undangan untuk melancarkan lagu. |

| | | |
|---|---|---|
| | | ➢ Karier solo merupakan paling utama sekarang. Akan tetapi, dengan kumpulan Lefthanded juga beliau masih berjalan. |
| 51:11-51:38 | Perkembangan hidup bersama keluarga | ➢ Beliau memberi tumpuan kepada keluarga dengan mengajak mereka melakukan perniagaan dan pendapatan. Beliau juga mengajak keluarganya untuk bercuti ataupun berjalan-jalan.<br>➢ Beliau sekarang sering melayan cucu-cucu beliau.<br>➢ Cucu beliau adalah seramai 11 orang dan amat manja dengan beliau dan isteri. |
| 51:39-52:54 | Sokongan peminat | ➢ Beliau tahu dan peka bahawa peminat beliau amat prihatin.<br>➢ Ketika beliau didapati positif COVID-19, peminat beliau banyak membantu dengan menghantar makanan, mengirim wang.<br>➢ Peminat dari Terengganu, Kelantan, Melaka, Penang, Johor serta luar negara, Singapura, Brunei dan Indonesia juga ada memberi bantuan serta menghubungi beliau.<br>➢ Beliau berkata masih ada peminat yang betul-betul prihatin serti mengikuti beliau.<br>➢ Melalui saluran di media sosial beliau, masih ramai dan banyak lagi yang mengikuti beliau sehingga kini. |
| 52:55-53:19 | Perancangan terdekat | ➢ Beliau menunggu studio rakaman baru beliau untuk siap.<br>➢ Beliau berkata beliau tersangkut dan tidak dapat melakukan apa apa projek oleh akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama dua tahun. |

| | | |
|---|---|---|
| 53:30-55:10 | Anugerah yang pernah dimiliki | ➢ Lefthanded pernah memenangi Album Terbaik daripada Anugerah Industri Muzik pada tahun 2000.<br>➢ Anugerah ataupun trofi yang dimiliki mereka ada pada Arwah Samad.<br>➢ Gambar-Gambar serta anugerah-anugerah lain ada di studio dan ada juga yang telah hilang.<br>➢ Man Kidal berpendapat bahawa anugerah yang diterima adalah pencapaian buat beliau. Beliau merasakan orang dapat menerima serta menghargai kerja beliau. |
| 55:11-56:26 | Kenangan Pahit | ➢ Hujung tahun 90-an, beliau telah mengalami kemalangan dan anak beliau telah meninggal dunia.<br>➢ Beliau didapati positif virus COVID-19.<br>➢ Kenangan pahit ketika bermain gitar:<br>1. Bermain dengan salah<br>2. Main tidak sedap<br>➢ Orang tidak bayar selepas persembahan dilakukan.<br>➢ Tidak dapat balik dan sangkut setelah melakukan persembahan. |
| 56:27-56:58 | Kenangan Manis | ➢ Anak-anak berkahwin.<br>➢ Dikurniakan ramai cucu. |
| 56:59-57:45 | Sumbangan dalam bidang Muzik | ➢ Melakukan kebajikan seperti persembahan percuma (ditujukan atas dasar kebajikan).<br>➢ Memberi zakat kepada anak-anak yatim, ibu tunggal.<br>➢ Jika memerlukan kutipan wang lebih-lebih lagi dalam bidang muzik, beliau melakukan persembahan dengan percuma. |

| | | |
|---|---|---|
| 57:46-59:45 | Harapan dalam Industri Muzik sekarang | ➢ Beliau berpendapat bahawa Muzik di Malaysia sudah maju.<br>➢ Sambutan juga bagus.<br>➢ Harapan beliau adalah, beliau mengharapkan supaya para peminat lebih-lebih lagi apabila berada di atas talian, mereka haruslah menjaga percakapan serta perbuatan yang negatif.<br>➢ Komen-komen yang dilemparkan haruslah yang membina bukan hanya untuk kondem.<br>➢ Beliau berkata untuk berfikir secara positif lagi-lagi pada zaman COVID sekarang. |
| 59:46-1:00:49 | Pendapat untuk pelapis seni muzik sekarang. | ➢ Beliau sedar bahawa banyak bakat yang bagus-bagus.<br>➢ Beliau berpendapat bahawa pelapis seni muzik baru perlu bercampur dengan orang-orang lama agar dapat melihat halatuju yang baik serta dapat meminta pendapat. |
| 1:00:50-1:02:21 | Impian yang mahu dicapai | ➢ Beliau mahu album beliau dapat dijual di International ataupun di tahap antarabangsa.<br>➢ Dapat membuat album yang bagus<br>➢ Serta membuat lagu-lagu baru.<br>➢ Beliau ada perancangan untuk membuat kelas gitar kepada orang ramai. |
| 1:02:22-1:03:38 | Kelas untuk orang ramai. | ➢ Beliau agak sibuk dan masih menunggu studio baru beliau untuk siap.<br>➢ Beliau sedang menyusun jadual serta kerja dan mungkin akan memikirkannya kelak. |

# 7.0 RALAT

## 7.0 Ralat

Sesi temu bual yang dijalankan bersama tokoh yang diplih iaitu Man Kidal ataupun dikenali sebagai Encik Abdul Rahman bin Mahmood mempunyai beberapa gangguan yang tidak dapat dielakkan. Sesi temubual bersama tokoh artis veteran Man Kidal dilaksanakan secara bersemuka yang bertempat di dalam studio peribadi yang terletak di rumah kediaman beliau sendiri. Temubual yang dilaksanakan berjalan dengan lancar tetapi dapat beberapa jenis gangguan bunyi yang tidak dapat dielakkan. Antara gangguan bunyi yang terdapat di dalam rakaman video temubual tersebut adalah :

- Gangguan bunyi orang ketiga
